



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**PEMILIKAN DAN PENGGUNAAN  
ASET BAGI TUJUAN TUNTUTAN  
ELAUN MODAL**

**KETETAPAN UMUM NO. 5/2014**

**TARIKH PENERBITAN: 27 JUN 2014**



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**PEMILIKAN DAN  
PENGUNAAN ASET BAGI  
TUJUAN TUNTUTAN ELAUN MODAL**

**Ketetapan Umum No. 5/2014  
Tarikh Penerbitan: 27 Jun 2014**

---

Diterbitkan oleh  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Diterbitkan pada 27 Jun 2014

Edisi pertama pada 27 Jun 2014

(Ketetapan Umum ini menggantikan  
Ketetapan Umum No. 1/2001 bertarikh  
18.01.2001 yang dikeluarkan oleh Lembaga  
Hasil Dalam Negeri Malaysia.)

© Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas  
Ketetapan Umum ini. Satu salinan cetak atau  
elektronik boleh dibuat untuk kegunaan  
peribadi. Firma dan persatuan profesional  
dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan  
Umum ini untuk tujuan latihan sahaja.  
Penerbitan semula secara sistemik atau  
berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi  
melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-  
apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk  
bayaran atau tujuan komersil, atau  
pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum  
adalah dilarang sama sekali.



**PEMILIKAN DAN  
PENGUNAAN ASET BAGI  
TUJUAN TUNTUTAN ELAUN MODAL**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 5/2014  
Tarikh Penerbitan: 27 Jun 2014**

<b>KANDUNGAN</b>	<b>Muka surat</b>
1. Objektif	1
2. Ringkasan Pindaan	1
3. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	2
4. Tafsiran	2
5. Pemakaian Undang-Undang Berkaitan	3
6. Pemilikan Aset	4
7. Aset Milik Bersama	7
8. Aset Perkongsian	8
9. Aset Perkongsian Liabiliti Terhad	11
10. Aset Sewa Beli	13
11. Aset Pajakan	20
12. Aset Amanah Perniagaan	22
13. Kegunaan Aset	23
14. Aset Diklasifikasikan Sebagai Dipegang Untuk Dijual	28
15. Prosedur Tuntutan Elaun Modal	29

**KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH**

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 [ACP] memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat ketetapan umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian dari ketetapan umum ini melalui notis atau dengan penerbitan ketetapan umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

## 1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan kesan pemilikan dan penggunaan loji dan jentera terhadap seseorang bagi tujuan tuntutan elaun modal (EM) dalam menentukan pendapatan berkanun daripada perniagaan.

## 2. Ringkasan Pindaan

KU ini diterbitkan untuk menggantikan KU No.1/2001 yang dikeluarkan pada 18.1.2001 dan memasukkan pindaan seperti berikut:

Perenggan Dalam KU No. 1/2001	Pindaan Dalam Ketetapan Ini		
	Perenggan	Perkara	Rujukan
1	1	Objektif	Perenggan lama digantikan dan disusun semula
2	3	Peruntukan Undang- Undang Berkaitan	
3	5	Pemakaian Undang- Undang Berkaitan	
	6	Pemilikan aset	
	7	Aset milik bersama	
	8	Aset perkongsian	
4	4	Tafsiran	Perenggan baharu dimasukkan
Tiada	2	Ringkasan pindaan	
	9	Aset Perkongsian Liabiliti Terhad	
	10	Aset sewa beli	
	11	Aset pajakan	
	12	Aset Amanah Perniagaan	
	13	Kegunaan aset	
	14	Aset Diklasifikasikan Sebagai Dipegang Untuk Dijual	
15	Prosedur tuntutan elaun modal		

**3. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan**

- 3.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 3.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah subseksyen 2(1), 2(8), seksyen 42 dan Jadual 3.
- 3.3 Perundangan subsidiari berkaitan yang dirujuk dalam KU ini adalah P.U.(A) 131/1986.

**4. Tafsiran**

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 4.1 "Aset" bermaksud loji dan jentera yang digunakan bagi tujuan perniagaan dan perbelanjaan yang layak telah dilakukan berhubung dengannya.
- 4.2 "Aset Maksud Khas" bermaksud aset yang dipajak jika tiada pengguna lain dapat menggunakan aset yang sama tanpa membuat perubahan atau merombakkan sesuatu struktur atau tanah dan disifatkan sebagai harta alih.
- 4.3 "Amanah Perniagaan" bermaksud suatu skim unit amanah yang operasi atau pengurusan skim dan harta atau aset skim diuruskan oleh seorang pengurus pemegang amanah.
- 4.4 "Elaun Imbangan" merujuk kepada perbezaan di mana nilai pelupusan sesuatu aset kurang daripada Baki Perbelanjaan.
- 4.5 "Kenaan Imbangan" merujuk kepada perbezaan di mana nilai pelupusan sesuatu aset lebih daripada Baki Perbelanjaan.
- 4.6 "Loji" bagi tujuan perbelanjaan yang layak bermaksud aset alih atau aset tidak alih termasuk apa jua peralatan yang digunakan dalam perniagaan tetapi tidak termasuk stok perdagangan dan premis iaitu tempat perniagaan dijalankan.
- 4.7 "Lupus" bermaksud aset dijual, dibuang atau dimusnahkan atau ia berhenti digunakan untuk tujuan perniagaan.
- 4.8 "Nilai Pasaran" bermaksud harga bagi barang yang dijual dalam satu transaksi di antara orang-orang yang tidak berkaitan yang berurusan pada harga selengan.
- 4.9 "Orang" termasuk suatu syarikat, suatu kumpulan orang, suatu perkongsian liabiliti terhad dan suatu perbadanan tunggal.
- 4.10 "Pajakan" termasuk pajakan kecil, sewa pajak untuk tempoh tidak melebihi tiga tahun dan apa-apa perjanjian untuk pajakan atau pajakan kecil.

- 4.11 “Perkongasian” bermaksud apa-apa sekutuan (termasuk usaha sama, sindiket dan kes di mana satu pihak kepada sekutuan adalah dengan sendirinya suatu perkongsian) antara pihak yang bersetuju menggabungkan apa-apa hak, kuasa, harta, tenaga atau kemahiran mereka bagi tujuan menjalankan perniagaan dan berkongsi keuntungan daripadanya, tetapi ia tidak termasuk satu Keluarga Sekutu Hindu walaupun keluarga sedemikian boleh menjadi ahli kongsi dalam perkongsian, atau perkongsian liabiliti terhad.
- 4.12 “Perbelanjaan yang layak” bermaksud perbelanjaan modal yang dilakukan untuk mengadakan, membina atau membeli loji dan jentera yang digunakan bagi tujuan perniagaan selain daripada aset yang mempunyai jangka hayat kurang daripada dua (2) tahun.
- 4.13 “Perkongasian liabiliti terhad” bermaksud perkongsian liabiliti terhad yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.
- 4.14 “Syarikat” bermaksud suatu badan korporat dan termasuk badan orang yang ditubuhkan di bawah satu pengenalan yang berasingan di sisi undang-undang oleh atau di bawah mana-mana undang-undang wilayah di luar Malaysia dan amanah perniagaan.
- 4.15 “Tahun taksiran” bermaksud tahun kalendar.
- 4.16 “Tahun asas bagi suatu tahun taksiran” bermaksud tahun kalendar berkaitan dengan suatu tahun taksiran.
- 4.17 “Tempoh Pajakan” bermaksud tempoh selama mana penerima pajak telah mengikat perjanjian untuk memajakkan sesuatu aset atau jika suatu perkiraan pajakan telah ditamatkan lebih awal dari tempoh tamatnya tempoh sebenar pajakan.

## 5. Pemakaian Undang-Undang Berkaitan

Dalam menentukan pendapatan larasan perniagaan, tiada potongan dibenarkan bagi perbelanjaan yang dilakukan ke atas aset atau susut nilai aset. Walau bagaimanapun, jika perbelanjaan tersebut adalah perbelanjaan yang layak (PYL) [perbelanjaan loji dan jentera] maka potongan cukai diberikan dalam bentuk EM dalam menentukan pendapatan statutori bagi suatu punca perniagaan seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 42 ACP.

EM hanya diberikan kepada orang yang melakukan PYL atas aset yang digunakan untuk tujuan perniagaannya seperti yang diperuntukkan di bawah Jadual 3 ACP dan hanya akan diberikan potongan jika dituntut.

EM diberi dalam bentuk elaun permulaan (EP) dan elaun tahunan (ET).

### 5.1 Kelayakan Elaun Permulaan

Syarat-syarat berikut perlu dipenuhi oleh seseorang untuk layak menuntut EP berhubung dengan sesuatu aset bagi suatu tahun taksiran:

- (a) menjalankan perniagaan dalam tempoh asas,
- (b) melakukan PYL dalam tempoh asas, dan
- (c) pada akhir tempoh asas (atau jika aset itu telah dilupuskan, pada masa pelupusan) beliau adalah pemilik aset itu.

### 5.2 Kelayakan Elaun Tahunan

Syarat-syarat berikut perlu dipenuhi oleh seseorang untuk layak menuntut ET berhubung dengan sesuatu aset bagi suatu tahun taksiran:

- (a) menjalankan perniagaan dalam tempoh asas,
- (b) melakukan PYL dalam tempoh asas,
- (c) aset itu digunakan bagi tujuan perniagaannya, dan
- (d) pada akhir tempoh asas, beliau adalah pemilik aset dan aset itu masih digunakan dalam perniagaannya.

## 6. Pemilikan Aset

Pemilikan aset dalam KU ini merujuk kepada pemilik sah di sisi undang-undang atau pemilik benefisial. Orang yang memiliki sesuatu aset boleh menjadi sama ada pemilik sah di sisi undang-undang atau pemilik benefisial atau kedua-duanya sekali.

### 6.1 Pemilikan sah di sisi undang-undang

Pemilik sah di sisi undang-undang adalah orang yang namanya didaftarkan atau didokumenkan sebagai bukti pemilikan.

#### Contoh 1

Bagi aset tanah - orang yang namanya pada geran tanah.

Bagi kenderaan bermotor - orang yang namanya pada dokumen perakuan pendaftaran kenderaan

Bagi mesin - orang yang namanya pada perakuan jaminan atau polisi insurans.

---

## 6.2 **Pemilikan benefisial**

Pemilik benefisial adalah orang yang melakukan PYL untuk sesuatu aset di mana bayaran untuk aset itu dibuktikan dalam buku akaun perniagaan dengan sokongan dokumen seperti invoice, baucer dan resit.

Bagi maksud Jadual 3 ACP, pemilik benefisial yang melakukan PYL serta menggunakan aset untuk tujuan perniagaannya berhak menuntut EM walaupun aset itu didaftarkan atas nama orang lain (pemilik sah di sisi undang-undang).

### **Contoh 2**

Pada tahun 2013, Akmal membeli sebuah lori tetapi mendaftarkannya atas nama adiknya, Ahmad. Akmal telah membayar ansuran dan menggunakan lori bagi tujuan perniagaannya sehingga akhir tempoh asas bagi tahun taksiran 2013.

Akmal adalah pemilik benefisial kerana telah melakukan PYL dan lori telah digunakan bagi tujuan perniagaannya. Oleh itu Akmal layak menuntut EP dan ET ke atas lori tersebut bagi tahun taksiran 2013. Ahmad tidak berhak kepada EM kerana tidak melakukan PYL.

## 6.3 **Pemilik sah di sisi undang-undang yang melakukan perbelanjaan yang layak**

Pemilik sah di sisi undang-undang yang melakukan PYL juga merupakan pemilik benefisial. Jika aset yang dimiliki itu digunakan dalam perniagaannya, pemilik tersebut layak menuntut EM.

### **Contoh 3**

Maniam membeli sebuah van secara sewa beli dan mendaftarkan atas namanya. Beliau menggunakan van itu dalam perniagaan kedai runcitnya.

Maniam layak menuntut EM kerana telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti di perenggan 5.1 dan 5.2 dalam KU ini.

### **Contoh 4**

Syarikat Airina Food Sdn Bhd (AF) adalah syarikat pembekal dan pengedar ais krim, hasil tenusu dan makanan sejuk beku. AF membeli beberapa buah peti sejuk dan meletakkannya di premis peruncit dan pasaraya tanpa mengenakan sebarang bayaran sewa dengan syarat peruncit dan pemilik pasaraya hanya menjual barangan sejuk beku yang dibekalkan oleh AF.

Walaupun aset diletakkan di premis pelanggan AF, aset tersebut digunakan bagi tujuan perniagaan AF. Oleh itu, AF layak menuntut EM atas aset



tersebut kerana AF yang merupakan pemilik benefisial dan pemilik sah di sisi undang-undang telah mematuhi semua syarat-syarat seperti di perenggan 5.1 dan 5.2 dalam KU ini.

#### **Contoh 5**

Syarikat Insurans Ally (Ally) memperuntukkan aset seperti komputer dan perabot kepada ejen insuransnya untuk digunakan dalam premis yang disewakan oleh Ally.

Walaupun aset diletakkan di premis yang disewakan tetapi aset-aset itu digunakan oleh ejen insurans Ally bagi tujuan perniagaannya. Oleh itu Ally yang merupakan pemilik benefisial dan pemilik sah di sisi undang-undang layak menuntut EM atas aset tersebut kerana semua syarat-syarat seperti di perenggan 5.1 dan 5.2 dalam KU juga dipatuhi.

#### **6.4 Pemilik sah di sisi undang-undang yang tidak melakukan perbelanjaan yang layak**

Pemilik sah di sisi undang-undang yang tidak melakukan PYL walaupun menggunakan aset bagi maksud perniagaannya, tidak layak menuntut EM kerana tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di perenggan 5.1 dan 5.2 dalam KU ini.

#### **Contoh 6**

Syarikat Ungu sebuah syarikat pembinaan adalah pemilik sah di sisi undang-undang bagi lori yang dibeli oleh syarikat induknya. Lori tersebut digunakan untuk mengangkut bahan binaan dalam perniagaannya. Syarikat induk membayar ansuran bulanan dan bertanggungjawab menanggung perbelanjaan penyelenggaraan lori.

Walaupun Ungu adalah pemilik sah di sisi undang-undang dan telah menggunakan lori tersebut dalam perniagaannya, Ungu tidak layak menuntut EM kerana tidak melakukan PYL.

#### **6.5 Pemilik benefisial yang melakukan perbelanjaan yang layak tetapi tidak menggunakan aset dalam perniagaannya**

Jika PYL dilakukan oleh pemilik benefisial dan aset tidak digunakan bagi tujuan perniagaannya, sebaliknya digunakan dalam perniagaan pemilik yang sah di sisi undang-undang atau orang lain, pemilik benefisial tidak layak menuntut EM kerana tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di perenggan 5.1 dan 5.2 dalam KU ini.

---

### Contoh 7

Fakta sama seperti di Contoh 6.

Syarikat induk adalah pemilik benefisial kerana telah melakukan PYL. Walau bagaimanapun, syarikat induk tidak layak menuntut EM ke atas lori kerana lori tidak digunakan dalam perniagaannya, sebaliknya telah digunakan oleh pemilik yang sah di sisi undang-undang.

### Contoh 8

MM Sdn Bhd (MMSB) menjalankan aktiviti perniagaan import barangan kristal. MMSB akan membuat tempahan daripada pembekal berdasarkan tempahan yang diterima daripada MM Marketing SB. MM Marketing dan pembekal adalah syarikat berkaitan dengan MMSB.

MMSB telah melakukan PYL seperti *racking system*, perabot dan rak yang dibeli di bawah nama pembekal. Aset-aset tersebut diletakkan dalam bilik pameran yang dimiliki oleh MM Marketing dan digunakan oleh MM Marketing untuk mempamerkan dan menjual barangannya (kristal) kepada orang ramai.

MMSB adalah pemilik benefisial kerana telah melakukan PYL atas aset-aset dalam bilik pameran. Walaupun begitu, MMSB tidak layak menuntut EM kerana aset-aset tidak digunakan dalam perniagaannya sebagai pengimport kristal.

Pembekal yang merupakan pemilik sah di sisi undang-undang tidak layak menuntut EM kerana tidak melakukan PYL.

MM Marketing juga tidak layak menuntut EM walaupun aset digunakan bagi tujuan perniagaannya kerana syarikat tidak melakukan PYL.

MMSB (pemilik benefisial), pembekal (pemilik sah di sisi undang-undang) dan MM Marketing (orang lain) tidak layak menuntut EM ke atas aset-aset dalam bilik pameran kerana tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di perenggan 5.1 dan 5.2 dalam KU ini.

## 7. Aset Milik Bersama

Di mana -

- a) lebih daripada seorang telah melakukan PYL bagi sesuatu aset,
- b) aset itu digunakan bagi tujuan perniagaan setiap orang itu dalam tempoh asas,
- c) pada akhir tempoh asas, aset itu masih digunakan sedemikian, dan
- d) aset itu didaftarkan atas nama salah seorang pemilik benefisial atau atas nama orang lain.

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

Setiap pemilik benefisial aset itu layak menuntut EM atas aset itu mengikut bahagian PYL yang telah dilakukan. Dalam keadaan ini, jika lebih daripada seorang menuntut EM bagi aset yang sama, satu kenyataan yang menunjukkan butiran pembahagian yang sesuai hendaklah dibuat dalam pengiraan cukai bagi setiap orang yang menuntut [perlu disahkan oleh pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) semasa pengauditan cukai].

**Contoh 9**

Pemeriksaan audit LHDNM mendapati Abu dan Ahmad berkongsi bersama membeli sebuah van berharga RM80,000 pada 1.9.2012. Abu membayar RM48,000 (60%) dan Ahmad membayar RM32,000 (40%). Van itu didaftarkan atas nama Abu kerana beliau telah melakukan sebahagian besar perbelanjaan modal. Van itu digunakan dalam perniagaan restoran masing-masing. Abu dan Ahmad menyediakan akaun perniagaan restoran masing-masing bagi tahun berakhir 31 Disember setiap tahun.

**Pengiraan Elaun Modal**

Tahun Taksiran 2012	Abu (60%)		Ahmad (40%)	
PYL (RM) 80,000	48,000		32,000	
EP (20%)	9,600		6,400	
ET (20%)	9,600	19,200	6,400	12,800
Baki Perbelanjaan		28,800		19,200
<b>Tahun Taksiran 2013</b>				
ET (20%)		9,600		6,400
Baki Perbelanjaan		19,200		12,800

Baki Perbelanjaan (BP) bermaksud kos aset tolak –

- (a) elaun permulaan dan elaun tahunan, atau
- (b) elaun nosional yang mana amaun bersamaan dengan elaun tahunan.

**8. Aset Perkongsian**

**8.1 Aset perniagaan perkongsian biasanya dimiliki oleh ahli kongsi. Jika aset tersebut digunakan dalam perniagaan perkongsian dan perbelanjaan yang layak dilakukan oleh setiap ahli kongsi pada akhir tempoh asas, kesemua ahli kongsi adalah pemilik benefisial dan berhak menuntut elaun modal.**

---

EM hendaklah dikira berdasarkan PYL yang dilakukan oleh kesemua ahli kongsi berdasarkan kepada 2 situasi yang berbeza seperti berikut:

- (a) EM dikira berdasarkan PYL yang dilakukan oleh kesemua ahli kongsi yang akan diagihkan kepada semua ahli kongsi mereka berdasarkan nisbah pembahagian keuntungan perkongsian jika perkongsian adalah berterusan dan tiada perubahan kepada ahli kongsi, atau
- (b) EM diagihkan di kalangan ahli kongsi yang wujud pada akhir tempoh asas mengikut nisbah pembahagian keuntungan mereka jika perkongsian yang berterusan dan terdapat perubahan kepada ahli kongsi seperti pemberhentian ataupun kemasukan seorang ahli kongsi baru

**8.1.1 Perkongsian yang berterusan dan tiada perubahan kepada ahli kongsi.**

EM akan diperuntukkan kepada ahli kongsi mengikut nisbah pembahagian keuntungan perkongsian masing-masing pada akhir tempoh asas bagi suatu tahun taksiran. Pembahagian keuntungan perkongsian pada kebiasaannya adalah berdasarkan sumbangan modal masing-masing.

**8.1.2 Perkongsian yang berterusan dan terdapat perubahan kepada ahli kongsi**

- (a) Seorang individu yang telah menjalankan perniagaan pemilik tunggal mengambil ahli kongsi baru dan meneruskan perniagaan sebagai perniagaan perkongsian.

**Contoh 10**

Alex menjalankan satu perniagaan pemilik tunggal dan menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun. Pada 1.10.2012, Alex mengambil Asyraf sebagai rakan kongsi perniagaannya dan perniagaan tersebut menjadi satu perkongsian. Bagi tempoh kewangan 1.10.2012 hingga 31.12.2012, tiada pendapatan berkanun daripada perniagaan perkongsian. Asyraf bersetuju berkongsi sama rata keuntungan perniagaan perkongsian berkuat kuasa mulai 01.01.2013.

Bagi tujuan EM, perniagaan pemilik tunggal Alex dan perniagaan perkongsian dianggap sebagai satu perniagaan yang berterusan. Tempoh asas perniagaan bagi tahun taksiran 2012 adalah 1/1/2012 hingga 31/12/2012. Tempoh asas bagi tahun taksiran 2013 adalah 1/1/2013 hingga 31/12/2013.

Bagi tahun taksiran 2012, EM diberikan sepenuhnya kepada Alex kerana Asyraf tidak mempunyai pendapatan berkanun daripada perniagaan perkongsian.

Bagi tahun taksiran 2013, EM akan diagihkan kepada Alex dan Asyraf mengikut peraturan pembahagian keuntungan pada 31.12.2013.

- (b) Terdapat perubahan dalam ahli kongsi perniagaan perkongsian tetapi sekurang-kurangnya seorang ahli kongsi meneruskan perniagaan perkongsian.

#### Contoh 11

Ah Chong dan Peter adalah ahli kongsi sebuah perniagaan pembinaan yang membahagikan keuntungan perkongsian sama rata. Akaun perniagaan perkongsian ditutup pada 31 Disember setiap tahun. Pada tahun 2012, perkongsian telah membeli sebuah traktor berharga RM100,000 dan menggunakannya dalam projek pembinaan jalan raya. Pada 31.08.2013, Peter berhenti daripada perkongsian dan ahli kongsi baru Akmal memasuki perkongsian pada 01.09.2013. Ah Chong dan Akmal mengagihkan keuntungan daripada perkongsian yang boleh dibahagikan mengikut nisbah 1/3 dan 2/3 masing-masing.

Terdapat perubahan kepada ahli kongsi dengan seorang ahli kongsi masih menjadi ahli kongsi berterusan iaitu Ah Chong. Maka, perniagaan perkongsian itu adalah dianggap sebagai satu perniagaan yang berterusan.

Bagi tahun taksiran 2012, dua orang ahli kongsi Ah Chong dan Peter adalah pemilik benefisial dan layak menuntut EM. EM diagihkan sama rata kepada Ah Chong dan Peter.

Bagi tahun taksiran 2013, Peter tidak layak menuntut EM kerana telah berhenti daripada perkongsian. Agihan EM kepada Ah Chong dan Akmal adalah mengikut nisbah pembahagian keuntungan perkongsian 1/3 dan 2/3 masing-masing.

- (c) Perniagaan perkongsian tamat secara efektif tetapi salah seorang bekas ahli kongsi meneruskan perniagaan sebagai pemilik tunggal.

#### Contoh 12

Amira dan Amylia adalah dua orang ahli kongsi dalam perniagaan farmasi yang beroperasi pada 01.01.2012. Akaun perniagaan berakhir pada 31 Disember setiap tahun dan

keuntungan perkongsian diagihkan sama rata. Pada 21.11.2013, Amylia berhenti daripada perkongsian dan perniagaan diambil alih oleh Amira sebagai pemilik tunggal. Akaun perniagaan masih disediakan berakhir pada 31 Disember.

Bagi tujuan tuntutan EM, walaupun perniagaan perkongsian tamat secara efektif tetapi seorang bekas ahli kongsi telah meneruskan perniagaan sebagai pemilik tunggal. Maka kedua-dua perniagaan perkongsian dan perniagaan pemilik tunggal hendaklah dianggap sebagai satu perniagaan yang berterusan.

Bagi tahun taksiran 2012, elaun modal diagihkan sama rata antara Amira dan Amylia mengikut nisbah pembahagian keuntungan perkongsian pada 31.12.2012.

Bagi tahun taksiran 2013 dan tahun-tahun taksiran seterusnya, EM diberikan sepenuhnya kepada Amira. Amylia tidak layak menuntut EM kerana beliau telah berhenti pada 21.11.2013.

- 8.2 **Jika suatu aset perniagaan digunakan dalam perniagaan perkongsian tetapi hanya seorang ahli kongsi yang melakukan perbelanjaan yang layak berhubung aset tersebut, maka elaun modal hanya diberikan kepada ahli kongsi yang melakukan perbelanjaan yang layak.**

#### **Contoh 13**

Aidil, Ang dan Kalish adalah rakan kongsi dalam perkongsian kejuruteraan. Kalish telah melakukan PYL dengan membeli sebuah kereta yang digunakan kesemuanya dan semata-mata untuk tujuan perniagaan perkongsian tersebut.

Bagi tujuan Jadual 3, EM berkaitan dengan kereta tersebut hendaklah diberikan sepenuhnya kepada Kalish. Dua rakan kongsi yang lain tidak layak menuntut EM kerana tidak melakukan PYL walaupun mereka juga menggunakannya bagi tujuan perniagaan perkongsian.

### **9. Aset Perkongsian Liabiliti Terhad**

Perkongsian liabiliti terhad (PLT) mempunyai hibrid ciri-ciri sebuah syarikat dan perkongsian yang memberikan liabiliti terhad kepada pekongsi-pekongsinya. PLT adalah entiti berasingan daripada pekongsinya. Bagi tujuan cukai pendapatan, PLT adalah sebuah entiti dan didefinisikan di bawah subseksyen 2, ACP.

9.1 **Tuntutan Elaun Modal**

PLT layak menuntut EM seperti yang diperuntukkan di bawah Jadual 3 ACP dan hanya akan diberikan potongan jika dituntut.

9.2 **Pertukaran pekongsi dalam Perkongsian Liabiliti Terhad**

Jika berlaku perubahan pekongsi dalam suatu PLT di mana pekongsi sedia ada menarik diri daripada PLT disebabkan pemberhentian, kematian atau sebab-sebab lain atau pekongsi baharu mengambil bahagian dalam PLT tersebut, perubahan tersebut tidak memberi kesan kepada perniagaan PLT.

Suatu PLT boleh menjalankan perniagaan dengan kurang dari dua orang pekongsi bagi suatu tempoh tidak melebihi enam bulan atau tempoh yang lebih lama sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar.

“Pekongsi” berhubung sesebuah PLT bermaksud mana-mana orang yang diterima masuk sebagai pekongsi dalam PLT mengikut perjanjian PLT dan termasuk pekongsi bergaji sama ada pekongsi itu merupakan seorang pekerja PLT atau tidak.

“Pendaftar” bermaksud Pendaftar PLT yang ditetapkan di bawah Akta PLT dan termasuk mana-mana Penolong Pendaftar PLT yang dilantik mengikut Akta PLT.

Bagi tujuan tuntutan EM, walaupun berlaku perubahan pekongsi, PLT masih layak menuntut EM atas aset yang digunakan dalam perniagaan PLT kerana aset masih dimiliki oleh PLT (pemilik sah di sisi undang-undang).

**Contoh 14**

Dol, Ray dan Mint adalah tiga orang pekongsi dalam Ayu Seri PLT (tutup akaun pada 31 Disember), sebuah firma akauntan bertauliah yang beroperasi pada 21.02.2012. Pada 02.04.2013, Mint meninggal dunia disebabkan kemalangan dan perniagaan Ayu Seri PLT masih beroperasi dengan bilangan pekongsi seramai dua orang.

Ayu Seri PLT masih layak menuntut EM dalam tahun taksiran 2013 walaupun berlaku perubahan bilangan pekongsi kerana aset masih dimiliki oleh PLT.

**Contoh 15**

Fakta adalah sama seperti di Contoh 14 kecuali Ray menarik diri daripada PLT pada 01.05.2013. Maka perniagaan PLT hanya terdiri daripada seorang pekongsi sahaja. Pendaftar telah membenarkan Ayu Seri PLT meneruskan perniagaan bagi tempoh lapan (8) bulan lagi. PLT akan dibubarkan selepas tempoh tertangguh tersebut.



Walaupun perniagaan PLT mempunyai seorang pekongsi, PLT masih boleh meneruskan perniagaan PLT untuk tempoh selama lapan (8) bulan lagi mulai 01.05.2013 sehingga 31.12.2013 seperti yang ditentukan oleh Pendaftar. Oleh itu, PLT layak menuntut EM untuk tahun taksiran 2013. Walau bagaimanapun, mulai tahun taksiran 2014, PLT tidak lagi layak menuntut EM kerana aset tidak lagi digunakan dalam perniagaan (dalam proses pembubaran).

Jika aset dilupuskan sebelum PLT dibubarkan, pelarasan perlu dibuat terhadap baki perbelanjaan aset. PLT boleh menuntut sama ada elaun imbangan atau kenaan imbangan jika terdapat perbezaan di antara nilai pelupusan dan baki perbelanjaan.

### Contoh 16

Fakta adalah sama seperti di contoh 15 kecuali tempoh yang dibenarkan oleh Pendaftar bagi Ayu Seri PLT adalah selama enam (6) bulan sahaja.

PLT boleh meneruskan perniagaan PLT untuk tempoh selama enam (6) bulan sahaja mulai 01.05.2013 sehingga 31.10.2013. Oleh kerana bagi tempoh 01.05.2013 sehingga 31.10.2013, aset masih digunakan dalam perniagaan maka PLT layak menuntut EM bagi tempoh berkenaan. PLT akan dibubarkan selepas tempoh tersebut.

## 10. Aset Sewa Beli

Sewa beli adalah satu sistem memperolehi aset secara kredit di mana pembekal aset adalah dianggap sebagai peniaga, pembeli dianggap sebagai penyewa dan pembiaya sebagai pemilik. Pemilikan aset yang dibeli secara sewa beli tidak berpindah kepada penyewa pada masa perjanjian sewa beli atau penghantaran aset. Pembiaya kekal sebagai pemilik aset sehingga penyewa telah menyelesaikan sepenuhnya harga yang telah dipersetujui dalam perjanjian sewa beli.

### 10.1 Sewa beli konvensional

Mengikut transaksi kewangan konvensional, penyewa akan membeli aset bagi pihak pemilik. Perjanjian sewa beli akan dilaksanakan sebaik sahaja pemilik membayar kepada pembekal aset dan penyewa mengambil aset tersebut.

Bagi tujuan pemberian EM, penyewa adalah disifatkan sebagai pemilik aset. Penyewa adalah pemilik benefisial kerana melakukan PYL dan layak menuntut EM jika digunakan bagi tujuan perniagaannya. Penyewa juga akan menjadi pemilik sah di sisi undang-undang apabila bayaran ansuran sewa beli terakhir telah dibuat.

PYL yang dilakukan oleh penyewa adalah mengikut syarat perjanjian sewa beli bagi tempoh tertentu. Bayaran ansuran terdiri daripada modal (deposit dan ansuran modal) dan hasil (faedah sewa beli).



### 10.1.1 Pengiraan Elaun Modal

Faedah sewa beli boleh ditolak daripada pendapatan kasar perniagaan dalam menentukan pendapatan larasan perniagaan penyewa. Deposit dan ansuran modal adalah PYL yang berhak kepada EM yang boleh diberikan dalam bentuk EP dan ET dan dikira seperti berikut:

- (a) Pengiraan EP adalah berdasarkan PYL yang dilakukan bagi setiap tempoh asas sepanjang tempoh sewa beli, dan
- (b) Pengiraan ET adalah berdasarkan PYL terkumpul yang dilakukan sepanjang tempoh sewa beli.

#### Contoh 17

Syarikat Villa Sdn Bhd membeli sebuah van yang berharga RM105,000 untuk kegunaan perniagaannya. Perjanjian sewa beli dengan sebuah institusi kewangan berkuat kuasa mulai Januari 2012. Faedah sewa beli tahunan adalah RM1,200. Pada tahun 2012, syarikat membuat bayaran deposit sebanyak RM20,000 dan ansuran modal sebanyak RM9,000. Pada tahun 2013, syarikat membayar ansuran berdasarkan kepada jadual sewa beli iaitu RM9,000.

#### Pengiraan Elaun Modal

<b>Tahun Taksiran 2012</b>		
PYL (Deposit RM20,000 + ansuran RM9,000)		29,000
EP (20% x 29,000)	5,800	
ET (20% x 29,000)	5,800	11,600
Baki Perbelanjaan		17,400
<b>Tahun Taksiran 2013</b>		
PYL (Ansuran RM9,000)		9,000
		26,400
EP (20% x 9,000)	1,800	
ET (20% x 38,000)	7,600	9,400
Baki Perbelanjaan		17,000

### 10.1.2 Perbelanjaan Yang Layak

PYL bagi aset sewa beli hendaklah merujuk kepada perbelanjaan modal yang sebenarnya dilakukan oleh penyewa. Oleh itu, EM hendaklah dikira berdasarkan atas bayaran ansuran modal yang telah dibuat bagi sesuatu tahun taksiran dan bukannya berdasarkan kepada senarai amaun yang dijadualkan dalam perjanjian sewa beli.

Sehubungan itu, jika seseorang mempercepatkan ansuran pinjaman sewa beli, PYL adalah jumlah ansuran modal yang telah dibuat. Sebaliknya, jika ansuran dalam jadual perjanjian sewa beli tidak dipatuhi, amaun tersebut tidak boleh diambil kira sebagai PYL.

#### Contoh 18

Syarikat Salak Sdn Bhd (Salak) membeli sebuah lori terpakai berharga RM85,000 di bawah perjanjian sewa beli dengan syarikat kewangan pada Januari 2011. Salak telah membayar deposit RM5,000, ansuran RM7,500 dan faedah sewa beli berjumlah RM800 dalam tahun 2011. Ansuran yang ditanggung setiap tahun adalah RM7,500.

Oleh sebab enjin lori rosak dalam tempoh jaminan, lori tersebut telah ditarik balik oleh pengilang untuk penggantian. Sebagai pertimbangan kepada kesulitan perniagaan tidak dapat menggunakan lori, Salak telah dibenarkan untuk menanggung beberapa ansuran dalam tahun 2012 kepada tahun 2013. Jumlah bayaran ansuran yang telah dibuat dalam tahun 2012 adalah RM4,375 manakala bakinya dibayar dalam tahun 2013.

#### Pengiraan Elaun Modal

<b>Tahun Taksiran 2011</b>		
PYL (Deposit RM5,000 + ansuran RM7,500)		12,500
EP (20% x 12,500)	2,500	
ET (20% x 12,500)	2,500	5,000
Baki Perbelanjaan		7,500
<b>Tahun Taksiran 2012</b>		
PYL (Ansuran RM4,375)		4,375
		11,875
EP (20% x 4,375)	875	

ET (20% x 16,875)	3,375	4,250
Baki Perbelanjaan		7,625
<b>Tahun Taksiran 2013</b>		
PYL (Ansuran RM7,500+RM3,125)		10,625
		18,250
EP (20% x 10,625)	2,125	
ET (20% x 27,500)	5,500	7,625
Baki Perbelanjaan		10,625

## 10.2 Sewa beli di bawah pembiayaan Islam

Dalam konteks kewangan Islam, perjanjian sewa merujuk kepada *ijarah* yang melibatkan pertukaran antara faedah atau manfaat bagi aset yang disewa dalam suatu tempoh yang dipersetujui.

Konsep *ijarah* sering digunakan dalam perjanjian pembiayaan seperti pembiayaan harta tanah, pembiayaan kenderaan, pembiayaan projek dan pembiayaan peribadi.

Kebanyakan pembiayaan kenderaan dalam institusi kewangan Islam di Malaysia dilaksanakan melalui konsep *Al-ijarah thumma al-bai'* (AITAB), bermaksud sewaan (Al-ijarah) disusuli dengan jualan (Al-bai') yang bermaksud, AITAB adalah perjanjian sewa dengan pilihan untuk membeli aset. Pembiayaan berdasarkan AITAB melibatkan dua jenis perjanjian iaitu:

### (i) Perjanjian sewaan (Al-ijarah 'ain)

Pemilik iaitu institusi kewangan Islam akan memeterai perjanjian *ijarah* dengan penyewa. Di bawah perjanjian ini, pemilik akan melantik penyewa sebagai ejen untuk membeli kenderaan yang telah dikenalpasti oleh penyewa. Seterusnya, pemilik akan menyewakan kenderaan itu kepada penyewa bagi suatu tempoh masa tertentu.


Kos dan manfaat akan dikira dan penyewa membayar ansuran bagi suatu tempoh tertentu.

### (ii) Perjanjian jual-beli (Al-bai')

Pada akhir tempoh sewaan, penyewa mempunyai pilihan untuk membeli kenderaan tersebut daripada pemilik. Sekiranya penyewa memilih untuk membeli kenderaan tersebut, pemilik dan penyewa akan

memeterai satu perjanjian Al-bai` dan hak milik kenderaan tersebut akan berpindah daripada pemilik kepada penyewa.

Ilustrasi bagi perjanjian AITAB adalah seperti berikut:



Bagi tujuan tuntutan EM, penyewa adalah pemilik benefisial kerana ia telah melakukan PYL dan jika aset digunakan bagi tujuan perniagaannya mulai dari tarikh perjanjian sewaan (ijarah), maka penyewa layak menuntut EM atas aset tersebut. Penyewa akan menjadi pemilik sah di sisi undang-undang apabila institusi kewangan Islam menyerahkan milikan aset kepada penyewa

---

atau apabila penyewa bersetuju menerima tawaran untuk membeli aset yang tertakluk kepada persetujuan dalam perjanjian jual-beli.

Tiada unsur faedah dalam pembiayaan Islam. Sebaliknya, keuntungan akan diambilkira dalam sewa oleh institusi kewangan. Maka, perbelanjaan (sebagai ganti faedah) yang ditanggung oleh penyewa diberi layanan cukai yang sama seperti layanan cukai atas faedah dalam sewa beli kewangan konvensional. Perbelanjaan tersebut diberi potongan daripada pendapatan kasar dalam menentukan pendapatan larasan pelanggan. Deposit dan ansuran adalah PYL yang berhak kepada EM. Oleh itu, EM dikira berdasarkan kepada amaun sewaan bulanan (tidak termasuk bahagian keuntungan) yang telah dibuat mengikut syarat perjanjian sewaan.

### Contoh 19

Pada Januari 2013, Syarikat Alamcyber Sdn Bhd (Alamcyber) dengan tahun kewangan berakhir pada 31 Disember membeli mesin berharga RM400,000. Syarikat membayar deposit sebanyak RM40,000 kepada pembekal, bakinya RM360,000 dibiayai oleh institusi kewangan Islam. Mesin terus digunakan dalam perniagaan sejak Januari 2013.

Pada Februari 2013, syarikat membuat dua perjanjian berasingan dengan institusi kewangan Islam:

(i) Perjanjian sewaan (Al-ijarah 'ain)

Institusi kewangan Islam membeli mesin dan menyewakan semula aset kepada Alamcyber selama 6 tahun dengan bayaran sewa RM6,000 sebulan (jumlah keseluruhan sewaan RM432,000).

(ii) Perjanjian jual-beli (Al-bai`)

Alamcyber diberi pilihan untuk membeli aset tersebut sebaik sahaja perjanjian sewaan tamat.

Perjanjian Jual-Beli (Al-bai`) akan berkuat kuasa sebaik sahaja tamatnya Perjanjian Sewaan.

Alamcyber adalah pemilik benefisial dan layak menuntut EM kerana aset tersebut digunakan dalam perniagaannya. EM diberi ke atas amaun deposit dan bayaran bahagian modal sewa yang dilakukan bagi setiap tahun taksiran sepanjang tempoh sewa yang berkuat kuasa mulai daripada tahun taksiran 2013.

**Pengiraan Elaun Modal Bagi Tahun Taksiran 2013**

	RM	RM
Jumlah sewa		432,000
Amaun yang dibiayai oleh institusi kewangan Islam		360,000
<b>Amaun perbelanjaan (keuntungan bank) dianggap terakru sama rata bagi setiap bulan selama 72 bulan (6 tahun)</b>		72,000
Amaun perbelanjaan sebulan	72,000/72	1,000
<b>Tahun Taksiran 2013</b>		
Deposit	40,000	
Ansuran modal (RM5,000 x 11bulan)	55,000	
PYL		95,000
IA (20% x 95,000)	19,000	
AA (14% x 95,000)	13,300	32,300
Baki Perbelanjaan		62,700

- 10.3 **Pembiayaan mengikut prinsip Islam melibatkan pelupusan atau pajakan sesuatu aset. Walau bagaimanapun, transaksi ini adalah diabaikan menurut peruntukan di bawah subseksyen 2(8), ACP.**

**Contoh 20**

Arisha berhasrat untuk mendapatkan pembiayaan daripada bank yang mematuhi prinsip Syariah. Arisha menjual asetnya kepada bank dan kemudian aset itu dipajakkan semula kepada Arisha.

Dengan adanya peruntukan subseksyen 2(8), ACP, pelupusan aset oleh Arisha dan pajakan aset semula kepada Arisha adalah diabaikan, iaitu pelupusan dan pajakan itu dianggap tidak pernah berlaku. Arisha masih merupakan pemilik benefisial dan juga pemilik sah di sisi undang-undang. Oleh itu, beliau layak menuntut EM sekiranya aset tersebut digunakan dalam perniagaannya.

#### 10.4 **Pembiayaan Semula**

Jika EM bagi aset telah dituntut dan kemudian aset dibiayai semula melalui peraturan sewa beli, pemilik dibenarkan meneruskan tuntutan EM atas BP aset. Ini adalah kerana pembiayaan semula ini dianggap sebagai pinjaman dengan aset digunakan sebagai sekuriti dan dengan syarat pemilik masih menggunakan aset tersebut dalam perniagaannya.

##### **Contoh 21**

Syarikat Lagenda Sdn Bhd membeli secara tunai kereta berharga RM58,000 dalam tahun taksiran 2008. EM bagi kereta telah dituntut sepenuhnya dan tiada BP sehingga tahun taksiran 2012. Pada tahun taksiran 2013, syarikat membuat pembiayaan semula kereta tersebut berjumlah RM50,000 melalui perjanjian sewa beli dengan bank mulai bulan Mac 2013.

Dalam kes ini, EM telah dituntut sepenuhnya. Walaupun kenderaan tersebut dibiayai semula melalui peraturan sewa beli, syarikat tidak layak menuntut EM atas kenderaan itu yang berjumlah RM50,000.

##### **Contoh 22**

Pada tahun 2011, Syarikat Cleo Sdn Bhd (tutup akaun 31 Disember) telah membeli mesin yang digunakan untuk pengeluaran komponen kecil jam tangan. Syarikat mengambil pinjaman penuh sebanyak RM350,000 melalui perjanjian sewa beli dengan Gangsa Bank Bhd. Pada tahun 2013, syarikat membuat pembiayaan semula mesin tersebut berjumlah RM380,000 melalui perjanjian sewa beli dengan Jade Bank Bhd kerana bank berkenaan menawarkan kadar faedah yang lebih rendah. Nilai BP bagi mesin tersebut bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 adalah sebanyak RM140,000.

Syarikat boleh terus menuntut EM walaupun mesin tersebut telah di biayai semula melalui bank lain dalam tahun taksiran 2013. Walau bagaimanapun, amaun EM boleh dituntut terhad sehingga RM350,000 sahaja (kos mesin sahaja).

### 11. **Aset Pajak**

- 11.1 Pajak adalah satu perjanjian di mana satu pihak menjadi pemilik (pemberi pajak) aset dan menyediakan aset bagi kegunaan penerima pajak dengan suatu balasan (sewa), sama ada tetap atau berubah-ubah, untuk suatu tempoh tertentu (tempoh pajak) sama ada tetap atau fleksibel, dengan kefahaman bahawa pada akhir tempoh berkenaan, aset tersebut tertakluk kepada pilihan penerima pajak sama ada memulangkan aset itu kepada pemberi pajak atau dilupuskan mengikut arahan pemberi pajak.

- 
- 11.2 Bagi perjanjian pajakan sama ada Pajakan Kewangan atau Pajakan Operasi, kedua-duanya mempunyai layanan cukai yang sama.
- 11.3 Transaksi pajakan melibatkan pembelian aset oleh pemberi pajak untuk dipajakkan kepada penerima pajak melalui perjanjian pajakan. Penerima pajak hanya menggunakan aset yang dipajak dengan membayar bayaran sewa pajak berdasarkan perjanjian pajakan. Pemberi pajak telah menggunakan aset yang dibeli untuk dipajak dalam perniagaan pajakkannya. Oleh itu, pemberi pajak sebagai pemilik sah di sisi undang-undang dan pemilik benefisial layak menuntut EM kerana telah melakukan perbelanjaan yang layak dan telah menggunakan aset yang dibeli dalam perniagaan pajakkannya.
- 11.4 Cara bagaimana aset pajakan ditunjukkan dalam akaun dari sudut piawaian perakaunan adalah tidak mengubah layanan cukai ke atas aset yang dipajak.
- 11.5 Walau bagaimanapun, jika suatu transaksi pajakan disifatkan sebagai suatu perjanjian jualan seperti yang diperuntukkan di bawah Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Pajakan Cukai Pendapatan 1986 (PP) [P.U. (A) 131], ianya akan dianggap sebagai jualan terus. Penerima pajak layak menuntut EM terhadap aset yang dipajak. EM akan diberi ke atas harga kos aset dan bukan berdasarkan kepada bayaran amaun ansuran kecuali perjanjian bayaran mempunyai ciri-ciri sewa beli.
- 11.6 Peraturan 4 PP, adalah peruntukan anti pengelakan cukai. LHDNM akan melaksanakan Peraturan tersebut jika telah jelas dan nyata perjanjian pajakan mengandungi syarat-syarat yang dinyatakan dan digunakan sebagai perancangan pengelakan cukai. Dalam Peraturan ini, hanya penerima pajak yang layak menuntut EM. Pelarasan sewajarnya perlu dibuat untuk mengelakkan pemberi pajak dan penerima pajak menuntut EM atas aset yang sama. Jika pelarasan dibuat oleh pihak LHDNM selepas audit, tindakan untuk menarik balik EM yang dituntut oleh pemberi pajak akan dibuat.

### Contoh 23

Syarikat Alexandria Sdn Bhd (Alexandria) memajak mesin fotostat daripada Iskandar Leasing Sdn Bhd untuk tempoh selama empat (4) tahun. Pajakan itu memberi pilihan kepada Alexandria untuk membeli mesin pada akhir tempoh pajakan tetapi tidak dinyatakan dalam perjanjian pajakan butiran bayaran jumlah pendahuluan (yang bersamaan dengan jaminan deposit dalam pajakan) dan bayaran faedah pajak.

Oleh kerana Alexandria (penerima pajak) diberi pilihan untuk membeli aset maka perjanjian pajakan ini adalah disifatkan sebagai satu perjanjian jualan terus seperti diperuntukkan di bawah Peraturan 4, PP 1986. Perjanjian pajakan ini juga tidak dianggap sebagai perjanjian sewa beli kerana tidak



mempunyai elemen bayaran pendahuluan (atau jaminan deposit) dan faedah sewa beli yang merupakan ciri-ciri transaksi sewa beli.

#### Contoh 24

Hospital Sinar Sdn Bhd telah menerima pajak mesin sinaran x-ray berkomputer dengan sewa pajakan sebanyak RM80,000 sebulan. Tempoh pajakan ialah 3 tahun mulai Januari 2011 hingga Disember 2013. Akaun ditutup pada 31 Disember setiap tahun.

Apabila tamat tempoh pajakan, Hospital Sinar Sdn Bhd telah membeli mesin tersebut dengan harga RM300,000 dan menuntut harga ini sebagai nilai pasaran. Mesin telah dibeli oleh pemberi pajakan dengan harga RM2.5 juta dan BP mesin pada 31.12.2013 adalah RM500,000.

Oleh kerana Hospital Sinar Sdn Bhd membeli aset dengan harga kurang daripada BP aset, jualan boleh dianggap dijual pada harga kurang daripada nilai pasaran. Oleh itu perjanjian pajakan ini adalah disifatkan sebagai satu perjanjian jualan aset pada tarikh asal pajakan seperti diperuntukkan di bawah Peraturan 4, PP 1986.

Hospital Sinar Sdn Bhd sebagai pemilik benefisial dan juga pemilik sah di sisi undang-undang layak menuntut EM atas mesin ini. Jumlah bayaran sewa pajakan yang telah diberi sebelum ini akan ditarik balik. Manakala, EM yang telah diberikan kepada pemberi pajak juga akan ditarik balik.

## 12 Aset Amanah Perniagaan

Amanah Perniagaan (AP) ialah suatu skim unit amanah yang memiliki ciri-ciri suatu syarikat dan unit amanah. Pengurusan AP termasuk aset diuruskan oleh pengurus pemegang amanah (PPA) yang mewakili pemegang unit amanah dalam AP. PPA adalah pemilik sah aset di sisi undang-undang manakala AP adalah pemilik benefisial aset.

PPA bermaksud orang yang –

- (i) memegang harta dan aset sebagai amanah untuk pemegang unit di Amanah Perniagaan, dan
- (ii) mengurus dan mengendalikan harta dan aset tersebut.

Bagi tujuan layanan cukai, AP didefinisikan sebagai sebuah syarikat dalam ACP. Oleh itu, dalam menentukan pendapatan statutori perniagaan seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 42 ACP, AP juga layak menuntut EM seperti yang diperuntukkan di bawah Jadual 3, ACP.

### Contoh 25

Satu AP telah didaftarkan di Malaysia dan seorang PPA telah dilantik untuk mengurus dan menjalankan perniagaan perhotelan AP di Malaysia. Semua mesyuarat berkaitan pengurusan dan kawalan perniagaan AP dijalankan di Malaysia. AP telah membayar yuran pengurusan dan yuran amanah kepada PPA untuk perkhidmatan yang dilakukan.

AP memiliki aset yang didaftarkan atas nama PPA. Aset tersebut telah dibeli oleh AP yang digunakan bagi tujuan perniagaan perhotelannya.

AP adalah pemilik benefisial kerana telah melakukan PYL. Oleh itu, AP layak menuntut EM ke atas aset tersebut. PPA tidak berhak kepada EM walaupun PPA adalah pemilik sah di sisi undang-undang kerana PPA hanya memegang aset sebagai amanah dan mengurus dana untuk AP.

## 13 Kegunaan Aset

Pemilik sah di sisi undang-undang atau pemilik benefisial aset layak menuntut EM sepenuhnya jika PYL telah dilakukan ke atas aset dan aset itu digunakan sepenuhnya dan semata-mata bagi tujuan perniagaan.

Jika aset yang digunakan mempunyai tujuan lain selain daripada tujuan perniagaan maka pemilik aset hanya layak kepada sebahagian EM sahaja. Amaun EM yang layak dikira berdasarkan PYL aset dan dibahagikan mengikut perkadaran yang digunakan untuk perniagaan.

### 13.1 Aset digunakan sepenuhnya untuk tujuan perniagaan

Pemilik aset berhak kepada EM sepenuhnya jika beliau melakukan PYL dan menggunakan aset itu sepenuhnya dan semata-mata dalam keadaan-keadaan berikut:

- (a) Bagi tujuan menjalankan perniagaannya,
- (b) Bagi aset yang tidak digunakan dalam perniagaan untuk suatu tempoh yang sementara dengan syarat:
  - (i) aset telah digunakan sepenuhnya dalam perniagaan yang sama sebaik saja sebelum tempoh aset tidak digunakan,
  - (ii) sepanjang tempoh aset tidak digunakan, aset sentiasa diselenggarakan dengan baik supaya dapat digunakan semula dalam perniagaan.

Walau bagaimanapun, jika aset didapati tidak lagi akan digunakan dalam perniagaan, tempoh aset tidak digunakan itu tidak lagi dianggap sebagai suatu tempoh yang sementara. Maka, aset tersebut dianggap

telah dilupuskan mulai tarikh permulaan tempoh sementara. EM akan ditarik balik dan pengiraan kenaan imbalan atau elaun imbalan perlu dibuat.

### **Contoh 26**

#### **Senario 1**

Syarikat Hias Sdn Bhd (Hias) telah menghantar mesin kilangnya untuk pembaikan dan penyelenggaraan. Mesin telah dibaiki pada tahun berikutnya kerana bekalan alat ganti tidak mencukupi. Oleh itu mesin tidak digunakan selama dua tahun.

#### **Senario 2**

Syarikat Jaya Sdn Bhd (Jaya) tidak dapat menggunakan sementara mesin pengilangan kerana operasi perniagaan tidak dapat di teruskan disebabkan;

- (i) menunggu keredaan mogok pekerja kilang, atau
- (ii) pemeriksaan kawasan pengilangan oleh penguasa tempatan.

Bagi kedua-dua senario, mesin pengilangan dianggap tidak digunakan bagi suatu tempoh yang sementara. Oleh itu, Hias dan Jaya berhak kepada EM selama tempoh mesin tidak digunakan buat sementara.

### **13.2 Aset digunakan sebahagian untuk tujuan perniagaan**

Pemilik yang melakukan PYL dan menggunakan aset untuk tujuan perniagaannya dan juga bukan untuk perniagaan hanya layak kepada sebahagian EM. Amaun EM yang layak dikira berdasarkan PYL dan EM dibahagikan berdasarkan asas masa yang terhad kepada kegunaan untuk perniagaan.

#### **Contoh 27**

Hassan membeli sebuah kereta berharga RM140,000 dan menggunakannya untuk urusan perniagaan dan juga urusan peribadi. Kereta ini tidak dilesenkan sebagai satu kenderaan perdagangan, maka PYL kenderaan tersebut terhad kepada RM100,000 sahaja. Perkadaran bagi urusan perniagaan dan urusan peribadi dianggarkan 2/3 dan 1/3 masing-masing. Hassan berhak menuntut 2/3 daripada EM bagi pendapatan perniagaannya.

### **13.3 Aset digunakan dalam lebih daripada satu perniagaan**

Orang yang melakukan PYL dan menggunakan aset yang sama dalam lebih daripada satu perniagaannya berhak kepada sebahagian EM untuk setiap perniagaannya. EM perlu dikira berdasarkan amaun penuh PYL yang

dilakukan. Pembahagian penggunaan aset antara perniagaannya ditentukan pada perkadaran yang munasabah yang biasanya dikira berdasarkan asas masa.

**Contoh 28** (akaun ditutup pada tarikh perakaunan yang sama)

Syarikat Kirana Sdn Bhd membeli sebuah mesin berharga RM50,000 pada 01.04.2011. Mesin digunakan sama rata di antara ketiga-tiga perniagaannya (P1, P2 dan P3) yang mempunyai tarikh perakaunan yang sama berakhir pada 30 Jun.

**Pengiraan Elaun Modal**

<b>Tahun Taksiran 2011</b>			
PYL			50,000
EP (20% x 50,000)	10,000		
ET (14% x 50,000)	7,000		17,000
Baki Perbelanjaan			33,000
<b>Tahun Taksiran 2012</b>			
ET (14% x 50,000)			7,000
Baki Perbelanjaan			26,000
<b>Tahun Taksiran 2013</b>			
ET (14% x 50,000)			7,000
Baki Perbelanjaan			19,000
Bahagian EM untuk ketiga-tiga perniagaan adalah seperti berikut:			
<b>Tarikh akaun ditutup</b>	P1(30/6)	P2(30/6)	P3 (30/6)
<b>Tahun Taksiran 2011 : EP</b>	3,333	3,333	3,334
<b>: ET</b>	2,333	2,333	2,334
<b>Tahun Taksiran 2012 : ET</b>	2,333	2,333	2,334
<b>Tahun Taksiran 2013 : ET</b>	2,333	2,333	2,334

**Contoh 29** (akaun ditutup pada tarikh perakaunan yang berbeza)

Fakta kes adalah sama seperti di Contoh 28, kecuali perniagaan (P1, P2 dan P3) mempunyai tempoh perakaunan berbeza, ditutup pada 31 Mac, 30 Jun dan 31 Disember masing-masing.

**Pengiraan Elaun Modal**

Bahagian EM untuk ketiga-tiga perniagaan adalah seperti berikut:			
Tarikh akaun ditutup	P1(31/3)	P2(30/6)	P3 (31/12)
Tahun Taksiran 2011 : EP	-	5,000	5,000
: ET	-	3,500	3,500
Tahun Taksiran 2012 : ET	2,333	2,333	2,334
Tahun Taksiran 2013 : ET	2,333	2,333	2,334

P1 tidak layak kepada EM bagi tahun taksiran 2011 kerana mesin dibeli pada 01.04.2011 iaitu sebelum tempoh perakaunan (01.04.10 hingga 31.03.2011) bagi tahun taksiran 2011 bermula.

**13.4 Aset tidak digunakan dalam perniagaan**

Orang yang melakukan PYL tidak berhak kepada EM bagi aset yang –

- (a) digunakan bagi tujuan penggajian,
- (b) digunakan untuk urusan peribadi,
- (c) digunakan bagi maksud perniagaan orang lain, atau
- (d) dibeli untuk tujuan pemberian hadiah atau derma.

**13.5 Aset yang digunakan oleh orang lain untuk menghasilkan produk perniagaan pemilik benefisial**

Bagaimana aset digunakan dalam perniagaan dan cara perniagaan dilaksanakan adalah faktor penting bagi menentukan sama ada aset digunakan bagi maksud perniagaan seseorang. Orang yang melakukan PYL bagi aset yang tidak digunakan bagi maksud perniagaannya tidak layak menuntut EM.

Pemilik benefisial layak menuntut EM walaupun aset didaftarkan atas nama orang lain (pemilik sah disisi undang-undang) bagi mengeluarkan produk untuk pemilik benefisial tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) Pemilik benefisial menanggung dan melakukan perbelanjaan penyelenggaraan aset,
- (b) Pemilik benefisial menentukan bagaimana produk perniagaannya dikilang,
- (c) Pemilik benefisial membayar sejumlah fi kontrak kepada pengilang kontrak hanya untuk mengilang produk,
- (d) Pengilang kontrak menggunakan aset kesemuanya dan semata-mata untuk mengilang produk pemilik benefisial, dan
- (e) Produk itu bukan stok perniagaan pengilang kontrak.

Kewujudan perjanjian bertulis di antara pemilik benefisial dan pengilang kontrak akan memperkukuhkan pemberian EM.

### Contoh 30

Syarikat Memey Sdn Bhd (M) adalah sebuah syarikat pengilangan yang menghasilkan produk makanan laut dalam tin. Disebabkan kekurangan ruang dan pekerja mahir, M mengupah pengilang kontrak, Syarikat Nano Sdn Bhd (N) untuk mengilang produk. Sehubungan itu, Syarikat M menyediakan dan meletakkan mesin pengilangan di kilang Syarikat N. Akaun perniagaan menunjukkan -

- (a) M membeli mesin pengilangan dan mendaftarkannya atas nama N,
- (b) M melakukan perbelanjaan penyelenggaraan mesin dan premium insurans,
- (c) M menentukan bahan mentah produk dan menguruskan segala proses pengilangan,
- (d) N menggunakan mesin tersebut hanya untuk memproses produk M,
- (e) N hanya menerima fi untuk kontrak tersebut,
- (f) N tidak menjual produk itu tetapi memindahkannya kepada M, dan
- (g) M menunjukkan produk itu sebagai stoknya.

M adalah pemilik benefisial kerana telah melakukan PYL dan memenuhi kesemua syarat-syarat yang dinyatakan dalam perenggan 13.5 dalam KU ini. Oleh itu, M layak menuntut EM atas mesin tersebut walaupun mesin didaftarkan di bawah nama orang lain, N sebagai pemilik sah disisi undang-undang.

---

### Contoh 31

Fakta kes adalah sama seperti di Contoh 30 kecuali N, pengilang kontrak -

- (a) membeli bahan-bahan mentah dan menuntut kos pembelian daripada M,
- (b) menentukan kuantiti dan kualiti produk,
- (c) mengguna mesin untuk mengilang produk syarikat lain, dan
- (d) menunjukkan produk sebagai stoknya.

Walaupun N adalah pemilik sah disisi undang-undang bagi mesin dan telah menggunakan mesin itu dalam perniagaannya, N tidak layak menuntut EM kerana tidak melakukan PYL.

M, walaupun telah melakukan PYL juga tidak layak menuntut EM kerana tidak menggunakan mesin itu dalam perniagaannya. Syarat-syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 13.5 dalam Ketetapan ini tidak dipatuhi.

Oleh itu, M ataupun N, kedua-duanya tidak layak menuntut EM ke atas aset tersebut.

## 14 Aset Diklasifikasikan Sebagai Dipegang Untuk Dijual

Aset diklasifikasikan sebagai dipegang untuk dijual (HFS) bermaksud aset yang telah dirancang untuk dijual dalam tempoh setahun atau suatu tempoh dilanjutkan dan aset tidak digunakan dalam perniagaan. Aset-aset yang telah usang dan rosak tidak termasuk dalam maksud HFS.

- 14.1 Seseorang yang melakukan perbelanjaan modal yang layak untuk suatu aset yang diklasifikasikan sebagai HFS dalam satu tempoh asas tidak layak menuntut EM dalam tempoh itu kerana aset tersebut telah dirancang untuk dijual dan tidak lagi digunakan bagi tujuan perniagaannya.
- 14.2 Sekiranya aset yang telah diklasifikasikan sebagai HFS diklasifikasikan semula sebagai loji, peralatan dan hartanah dan kemudian digunakan semula dalam perniagaan maka perbelanjaan modal yang layak bagi tujuan tuntutan EM adalah nilai pasaran pada tarikh aset tersebut diklasifikasikan semula. Nilai pasaran bagi aset tersebut adalah pada nilai yang saksama.

“Nilai saksama” bermaksud anggaran nilai terhadap harga pasaran yang realistik dan munasabah bagi aset apabila nilai pasaran sebenar tidak dapat ditentukan. Penentuan nilai saksama ini hendaklah dipersetujui di antara kedua-dua pihak yang berurusan.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

---

- 14.3 Untuk penerangan lanjut bagi layanan cukai berkenaan HFS, sila rujuk Garis Panduan Teknikal bertajuk '*Guidelines For Income Tax Treatment Of Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) 5 : Non- Current Assets Held For Sale and Discontinued Operations*' bertarikh 04.06.2013 dalam Laman Sesawang LHDNM.

**15 Prosedur Tuntutan Elaun Modal**

EM hendaklah dituntut oleh seseorang dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) bagi tahun taksiran yang berkenaan. Jadual pengiraan EM dan rekod pengiraan cukai hendaklah disimpan oleh pembayar cukai untuk tujuan audit oleh pegawai LHDNM.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**